

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : Datuk Mohd Idris bin Jusi
[Batu Pahat]**

SOALAN :

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap pencapaian para menteri yang beliau lakukan penilaian setiap enam (6) bulan sepanjang pelaksanaan RMK 10. Apakah bentuk pengiktirafan yang dikurniakan kepada para menteri mengikut tahap pencapaian masing-masing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sesungguhnya, Malaysia merupakan antara negara pertama yang telah mengambil langkah untuk memperkasakan pengurusan prestasi pentadbiran Kerajaan berlandaskan kaedah KPI untuk anggota-anggota Jemaah Menteri. Ini mencerminkan komitmen utama Kerajaan kepada rakyat untuk meningkatkan lagi mutu sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Secara khususnya, pengenalan sistem penilaian prestasi berstruktur, dengan pemantauan prestasi/pelaporan dan trajektori yang dilaksanakan di seluruh kementerian, telah membantu untuk mencetuskan perubahan yang nyata dalam rangka minda pelbagai kementerian - bermula dengan menteri sendiri dan seterusnya bergerak menurun meliputi setiap lapisan bawahan.

Sokongan Pejabat Perdana Menteri sepanjang perjalanan program telah membantu untuk memastikan tahap komitmen yang lebih besar dan juga sokongan daripada kementerian dalam mengambil inisiatif ini secara serius. Selain itu, pendekatan yang diambil dalam memulakan dan menilai MKPI merupakan sebuah medan pengajaran yang penting.

Tahun 2014, merupakan tahun ke-6 dalam menetapkan MKRA dan MKPI dan tahun demi tahun menunjukkan Kementerian-kementerian telah berusaha keras untuk pencapaian KPI yang telah ditetapkan. Hal yang demikian itu, tidak lain menunjukkan bahwa proses ini merupakan perubahan yang berterusan dengan kolaborasi dan input ditagih daripada semua pihak yang terus menjadikan KPI tertumpu pada usaha mencapai Keberhasilan Besar yang pantas.

Keberhasilan MKPI pada tahun 2014 menunjukkan bahawa sebanyak 87% telah mencapai sasarannya. Daripada jumlah itu, sebanyak 496 sasaran MKPI daripada 573 MKPI keseluruhan telah dicapai. Pada tahun sebelumnya 2013, keseluruhan KPI telah mencapai 87.4% daripada 606 KPI dan 86.5% daripada 703 KPI pada tahun 2012. KPI yang diwujudkan setiap tahun menurun secara beransur-ansur disebabkan oleh proses penetapan KPI yang menumpukan kepada KPI yang memberikan impak yang besar.

Sekian. Terima kasih.